

lokal

'Duit pencen arwah ringankan beban'

Kuala Berang: "Pencen yang ditinggalkan arwah anak sulung akan digunakan sebaik mungkin untuk menguruskan isteri yang menghidap angin ahmar dan kegunaan perbelanjaan bulanan," kata Draman Tun Rahim, 66.

Draman berkata, walaupun Mohd Faisal meninggal dunia kerana terabit dalam kemalangan ketika bekerja, arwah meninggalkan pencen yang dapat meringankan beban terutama dalam menguruskan ibunya Halijah Mat Kassim, 64.

Menurutnya, Halijah diserang angin ahmar beberapa

kali dan kejadian terakhir berlaku pada awal tahun ini mengakibatkan isterinya lumpuh.

Katanya, anak sulung daripada tujuh beradik itu banyak membantu daripada segi kewangan memandang dia juga tidak bekerja sejak lima tahun lalu.

"Dahulu saya bekerja sebagai pengawal keselamatan, namun selepas perkhidmatan ditamatkan selain usia semakin meningkat, sa-

ya tidak melakukan sebarang pekerjaan.

"Selain adik-beradik lain, arwah turut menampung perbelanjaan saya dan ibunya yang kini menggunakan lampin pakai buang dan susu khas.

"Setiap bulan lebih RM500 diperlukan untuk perbelanjaan bagi keperluan isteri selain barangan dapur," katanya.

Draman berkata demikian ketika ditemui selepas menerima kunjungan kakita-

ngan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di rumahnya di Kampung Pasir Dula, di sini, semalam.

Menurutnya, kejadian yang menimpa arwah meninggalkan kesan kepada keluarga, namun mujur majikannya mencarum sehingga dia dan isteri layak menerima pencen penakat berkenaan.

Katanya, arwah bekerja sebagai pembantu pemandu bot pelancong di Tasik Kenyir dan kejadian pelanggaran bot itu mengakibatkan anaknya meninggal dunia dengan jenazahnya ditemui beberapa hari kemudian.

“
Setiap bulan
lebih RM500
diperlukan untuk
perbelanjaan
Draman



FARIHAH menyampaikan faedah pengurusan jenazah kepada Draman dan isterinya Halijah. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Sementara itu, Pengarah Perkeso Terengganu, Fari-hah Che Husin berkata, selain menyampaikan faedah pengurusan mayat sebanyak RM2,000, keluarga arwah turut menerima pencen penakat bulanan.